



**UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN
KEPADA PELAJAR SARJANA MUDA DAN PASCASISWAZAH
BERKAITAN HAL AKADEMIK BAGI SEMESTER PERTAMA SESI 2020/2021**

Berikutan penularan wabak Covid-19 yang masih berlaku di beberapa tempat di dalam negara ini dan arahan Majlis Keselamatan Negara yang masih menekankan kepada pematuhan *Standard Operating Prosedur* (SOP) iaitu penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka dan kekerapan mencuci tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* semasa di tempat awam, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah membuat ketetapan mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Pertama Sesi 2020/2021 yang akan datang bagi memastikan keselamatan pelajar dan staf UUM seperti berikut:

A) PROGRAM SARJANA MUDA

1. Pengajaran dan Pembelajaran

- a) Pengajian Semester Pertama Sesi 2020/2021 (A201) yang akan bermula pada 11 Oktober 2020 sehingga 21 Januari 2021 akan dilaksanakan secara atas talian (*online*) atau melalui kaedah *remote learning* yang lain.
- b) Kalendar akademik bagi Semester A201 boleh diakses di laman sesawang Jabatan Hal Ehwal akademik.

2. Pentaksiran

- a) Sebarang bentuk pentaksiran sama ada peperiksaan pertengahan semester, tugas, kuiz, pembentangan projek dan lain-lain termasuk peperiksaan akhir akan dilaksanakan secara atas talian (*online*) atau kaedah *remote learning* yang lain.

B) PASCASISWAZAH

1. Pengajaran dan Pembelajaran

- a) Pengajian Trimester Pertama Sesi 2020/2021 (A201) akan dimulakan pada 12 September 2020 sehingga 10 Disember 2020 secara atas talian (*online*) atau melalui kaedah *remote learning* lain.

- b) Kalendar Akademik bagi program pascasiswazah boleh diakses di laman sesawang Jabatan Hal Ehwal akademik.

2. Pentaksiran

- a) Sebarang bentuk pentaksiran sama ada peperiksaan pertengahan semester, tugas, kuiz, pembentangan projek dan lain-lain termasuk peperiksaan akhir akan dilaksanakan secara atas talian (*online*) atau kaedah *remote learning* lain.
- b) Tarikh penghantaran Kertas Projek adalah kekal seperti yang ditetapkan pada trimester ini (193).

3. Penyeliaan (komponen penyelidikan/praktikum/internship)

- a) Sesi penyeliaan pelajar perlu diadakan secara atas talian (*online*) dan laporan prestasi pelajar perlu dikemas kini di dalam portal sekurang-kurangnya sekali pada setiap trimester.
- b) Sesi Mempertahankan Tesis (*Proposal Defence*) dan sesi Viva untuk program sarjana secara *mixed mode* dan penyelidikan dan program peringkat kedoktoran akan dijalankan secara atas talian (*online*) menggunakan platform Webex atau aplikasi lain.

c) LAIN-LAIN

1. Kehadiran

- a. Kehadiran pelajar dalam PdP perlu direkodkan samada menggunakan kaedah QR Code ataupun mana-mana kaedah bersesuaian bagi tujuan audit.

PROF. DR. YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia

17 Ogos 2020

Sebarang makluman atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Azian Nafiah
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
04-928 3303